

Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*

Umat Islam Johor mengkafirkan Kaum Qadiani

Rapat umum umat Islam Johor, yang telah diadakan di padang Mahkamah Johor Baharu, dengan dihadiri oleh kira-kira sepuluh ribu orang, telah mengambil keputusan dengan sebulat suara: “Bahawa iktikad atau fahaman Qadiani adalah terkeluar daripada iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan dasar Islam, dan Orang-orang yang menganut iktikad Qadiani itu jadilah ia murtad!”

Orang ramai, dengan sebulat suara, telah menjawab: “bersetuju” tatkala Tuan Syed Muhammad bin Idrus al-Attas, Ahli Dewan Negeri Johor, (pengerusi rapat umum itu) membaca ketetapan tersebut. Hadirin juga bersetuju keputusan itu dihantarkan kepada kerajaan.

Rapat umum itu telah berlangsung dengan jayanya, pada malam Ahad, 22 Jamādī al-Ākhir 1380 (10 Disember 1960) yang lalu, dengan anjuran UMNO cawangan lelaki Bandar, Johor Baharu.

Empat orang pensyarah telah mengupas iktikad Qadiani itu satu persatu dan membuktikan bahawa penganut mazhab Qadiani itu terkeluar daripada agama Islam.

Pensyarah-pensyarah itu ialah Datuk Dr Haji Abdul Jalil bin Hassan - Naib Mufti Johor, Ustaz Syed Ahmad Dahlan, Ustaz Daud Ali dan Tuan Sheikh Abdullah Basmeh.

Lemparkan ke Laut

Ustaz Daud Ali, pensyarah yang pertama, telah

menegaskan bahawa iktikad Qadiani ialah iktikad yang sesat dan pemeluk mazhab Qadiani terkeluar dari agama Islam - murtad!

Bukan alim ulama di Tanah Melayu sahaja yang mengkafirkan kaum Qadiani tetapi juga alim ulama di seluruh dunia mengkafirkan mereka, kerana mereka mempunyai nabi baharu dan memutarakan kandungan kitab suci al-Qur’ān, kata Ustaz Daud lagi.

Oleh sebab itu, katanya, mayat kaum Qadiani tidak boleh ditanam di perkuburan Islam. Kalau payah mendapat tempat, campakkan sahaja ke laut.

Boneka Penjajah

Tuan Syed Ahmad Dahlan, (pensyarah yang kedua), telah menegaskan bahawa kaum Qadiani bukan sahaja terkeluar dari Islam tetapi juga menjadi boneka penjajah. Mereka bekerja supaya penjajahan kekal selama-lamanya di seluruh dunia Timur.

Beliau juga telah menunjukkan kepada hadirin

beberapa buah buku-buku Qadiani dan membacakan kandungannya yang membuktikan bahawa Mirza Ghulam Ahmad dan pengikut-pengikutnya nyata sesat dan kafir.

Mempertahankan Kesucian Agama Islam

Selagi Hayat Dikandung Badan

Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Jalil Hassan Naib Mufti Johor, (pensyarah yang ketiga), telah menyeru supaya orang-orang Islam jangan terpedaya kepada faham

Qadiani yang menyalahi Islam itu. Beliau dengan tegas menyatakan: “Sebagai Naib Mufti, saya akan mempertahankan Islam di negeri Johor ini daripada diseludupi oleh faham Qadiani atau sebarang faham yang sesat”.

“Ini ialah satu amanah yang saya tanggung, selagi hayat dikandung badan!” kata beliau lagi.

Kemudian Datuk Abdul Jalil menerangkan riwayat timbulnya faham Qadiani yang direka oleh Mirza Ghulam Ahmad - dajal pendusta itu, dan diterangkan pula iktikad Qadiani yang sesat, dan bagaimana kaum Qadiani berpecah dua - ((Ahmadiyah Qadiani)) dan ((Ahmadiyah Lahore)), sedang kedua-dua *firqah* itu bersama-sama dengan pengasasnya- Mirza Ghulam Ahmad sudah nyata sesat dan terkeluar dari Islam!

Islam Itu Sebesar-besar Nikmat Allah

Tuan Sheikh Abdullah Basmeh, (pensyarah yang keempat dan yang akhir sekali), telah memulakan syarahannya dengan berkata: Saya sungguh terharu mendengar Yang Berhormat Datuk Naib Mufti tadi, menyatakan bahawa beliau menanggung amanah untuk mempertahankan agama Islam dan mempertahankan negeri Johor yang bertuah ini daripada diseludupi oleh faham Qadiani atau sebarang faham yang sesat.



Dalam syarahannya baharu-baharu ini di beberapa tempat di Singapura, Maulana Fazlur Rahman Ansari ulama dan ahli falsafah Pakistan yang terkenal, telah menegaskan:

Bahawa penganut-penganut faham Qadiani adalah murtad-terkeluar dari agama Islam. Beliau meminta umat Islam menghancurkan fahaman Qadiani di mana sahaja ia tumbuh atau masuk menyeludup.

Al-hafidz Maulana Fazlur Rahman Ansari (atas) ialah menantu kepada almarhum Maulana Abdul Alim al-Siddiqi mubaligh Islam yang masyhur. Beliau juga telah bersyarah di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dalam perjalanannya menjelajah dunia untuk menyiarkan Islam dan falsafahnya.

Sebelum perang, beliau menjadi pengarang majalah “Genuine Islam” (berbahasa Inggeris) di Singapura.

Ini sungguh membesarkan hati, kata Tuan Basmeh dan berkata lagi: Sebenarnya tiap-tiap seorang

Muslim adalah bertanggungjawab dan menanggung amanah terhadap agama Islam yang dipeluknya, sekurang-kurangnya menjaga rumahtangga dan keluarganya daripada diserang oleh sebarang ajaran yang sesat. Tiap-tiap seorang Muslim yang mengetahui tertuntut memberi penerangan dan nasihat kepada saudaranya yang Muslim, dan yang tidak mengetahui pula hendaklah bertanya dan belajar.

Islam ialah sebesar-besar nikmat Allah ‘*Azza wa Jalla* kepada kita. Apakata kalau kita dilahirkan dari perut yang bukan Islam?

Tetapi sayang! Nikmat yang besar ini kita percuaikan dan kerana inilah kita sekarang diserang oleh berbagai-bagai godaan yang hendak merosakkan iktikad kita seperti fahaman Qadiani, Taslim, Matahari, termasuk juga propaganda Kristian yang sedang menaburkan surat-surat siarannya hingga ke sekolah-sekolah anak-anak kita.

Semuanya ini pada hakikatnya ialah ((bala)) atau ((ujian)) mudah-mudahan kita sedar dan insaf, dan kembali memelihara kesucian agama Islam kita yang menjadi sebesar-besar nikmat Allah *azza wa jalla* yang tidak bertolak banding itu.

Awas Talibarut Kristian!

Tuan Abdullah Basmeh melanjutkan ucapannya dengan berkata, pensyarah-pensyarah yang lima tadi telah membuktikan bahawa penganut-penganut faham Qadiani terkeluar dari agama Islam dan bahawa ((nabi)) mereka bersama-sama dengan ((paderi-paderi)) mereka menjadi boneka penjajah Inggeris. Saya pula suka mengingatkan bahawa penyiar-penyiar agama Qadiani itu yang sebenarnya ialah tali barut Kristian. Banyak karenah dan

tanda-tanda yang menunjukkan mereka menjadi talibarut Kristian. Misalnya iktikad Qadiani itu bersamaan dengan iktikad Kristian. Kalau Kristian mengatakan Nabi ‘Isā ialah anak Tuhan maka Mirza Ghulan Ahmad, yang dinabikan oleh kaum Qadiani mengakui dirinya menjadi Nabi ‘Isā al-Maseh dan menjadi anak Tuhan!

Selain daripada itu penjajah Inggeris telah memberi sepenuh-penuh bantuan kepada penyebar-penyebar Qadiani. Di mana ada jajahan Inggeris di situlah ada penyebar Qadiani bertapak untuk merosakkan iktikad penduduk Islam di situ. Bahkan mereka mempunyai pusat penyebaran Qadiani di London, dan mempunyai majalahnya ((*Islamic Review*)) dalam Bahasa Inggeris.

Penjajah mengetahui bahawa bangsa kita Melayu tidak akan dapatdikristiankan dengan berterus-terang, kerana Inggeris dan penjajah-penjajah Portugis dan Belanda yang terdahulu menjajah di sini telah gagal!

Sekarang mereka, melalui talibarut mereka-penyebar agama Qadiani, cuba menjalankan jarumnya dengan bertopengkan Islam dan inilah yang seyogianya kita berjaga daripada angkara kaum Qadiani yang terkutuk itu. Kata Tuan Abdullah Basmeh menutup ucapannya.

Rapat umum yang bersejarah itu telah ditutup dengan membaca doa oleh *Ṣāhib al-Faḍīlah* Tuan Haji Ismail Umar Abdul Aziz, Kadi Besar Johor.

